



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556  
Faks : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
Portal : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook : [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.43 ( 28 )

Tarikh : 16 Mei 2014

## SIARAN MEDIA

### **PROGRAM TURUN PADANG YB MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) : MERASMIKAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PERWIRA, SEREMBAN, PEMBERIAN SUMBANGAN MEMBANTU KADAR DAN PEMBERIAN GERAN TAHUNAN DAN PENYAMPAIAN BANTUAN KEPADA JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG BAGI DAERAH SEREMBAN**

**SEREMBAN, 16 MEI 2014** – Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan dewan orang ramai Taman Perwira, menyerahkan sumbangan membantu kadar dan pemberian geran tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan dan penyampaian bantuan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Bagi Daerah Seremban dalam program Turun Padang YBM KPKT bersama PBT Negeri Sembilan.

2. Bagi tahun 2014, RM16,863,078.00 telah diperuntukkan oleh KPKT untuk 67 projek pembangunan yang merangkumi projek kemudahan awam, prasarana dan sosio-ekonomi dirancang untuk dilaksanakan di Negeri Sembilan.

3. Jangkaan ini berdasarkan pengalaman pada tahun 2013, di mana, sebanyak 217 projek pembangunan telah berjaya dilaksanakan, walaupun bilangan projek yang dirancang pada asalnya, untuk tahun berkenaan hanyalah sebanyak 47 projek.

4. Bagi 2014 ini, PBT Negeri Sembilan menerima Geran Tahunan sebanyak RM13,943,149.00 dan Sumbangan Membantu Kadar (pemberian ini bertujuan untuk menggantikan cukai taksiran yang dikenakan ke atas bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan yang terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan) sebanyak RM4,877,938.00.

5. Dewan Orang Ramai Taman Perwira telah dibina pada 25 Jun 2012 dan siap pada 25 Oktober 2013 dengan kos keseluruhan sebanyak RM1,830,373.95. Peruntukan ini adalah dari Kerajaan Persekutuan dan PBT. Dewan ini merangkumi 4 buah gelanggang badminton, pentas, pejabat, bilik mesyuarat, tempat meletak kenderaan, tandas lelaki wanita dan OKU.

6. Bagi Program Kemajuan Perkampungan pula sebanyak sebanyak RM69,810,00.00 telah diperuntukkan bagi projek menaiktaraf longkang, dewan dan gelanggang di kawasan Kampung Baru.

7. Pelan Transformasi PBT yang akan diperkenalkan oleh KPKT untuk meningkatkan penyertaan rakyat daripada kumpulan masyarakat termasuk NGOs, golongan professional dan sebagainya untuk memberikan pandangan terhadap rancangan pembangunan yang diperkenalkan oleh Majlis. Pelan ini akan memberi penekanan kepada urus tadbir yang baik dan ketelusan dalam proses membuat dasar, merancang dan melaksanakan program pembangunan untuk rakyat di peringkat akar umbi. Sesi 'town hall' mungkin akan diaktifkan kembali bagi memberi peluang kepada masyarakat mengemukakan cadangan dan mendengar penerangan pihak Majlis.

8. Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan juga bakal diperkenalkan oleh KPKT bagi mengambil tanggungjawab melantik, menaikkan pangkat dan menguruskan pertukaran pekerja dalam sesebuah negeri dan isu-isu berkaitan pekerja di PBT. Suruhanjaya ini mempunyai peranan dan fungsi yang hampir sama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

9. Majlis di pagi ini juga diserikan dengan kehadiran Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Dato' Halimi bin Abdul Manaf Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT, Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Haji Jalaludin bin Haji Alias Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Haji Mat Ali bin Hassan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan pegawai kanan KPKT.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan 9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)